

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1989/90

Oktober/November 1989

FPC 114 Kimia Am

Masa: (3 jam)

Kertas ini mengandungi ENAM soalan.

Jawab LIMA (5) soalan sahaja.

Soalan 1 adalah wajib dan mesti dijawab di atas skrip yang disediakan.

Semua soalan mesti dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

ANGKA GILIRAN: _____

1. Soalan Pilihan Berganda. Jawab semua soalan dengan menandakan (✓) ruang yang dikhaskan bertentangan dengan jawapan atau pernyataan yang BETUL ATAU PALING SESUAI bagi sesuatu soalan. Hanya SATU jawapan/ pernyataan sahaja yang betul atau paling sesuai bagi tiap-tiap soalan. Sebahagian markah akan ditolak bagi jawapan yang salah.

(A) Satu sel elektrolisis yang mengandungi larutan AgNO_3 disambung sesiri dengan satu sel elektrolisis yang mengandungi larutan ZnSO_4 . Apabila 1.45 g argentum telah dienapkan di katod sel pertama, berapakah berat zink telah dienapkan di katod sel kedua?

(Berat-berat atom: Ag = 107.80, Zn = 65.37).

.... (a) 0.879 g

.... (b) 0.440 g

.... (c) 1.759 g

.... (d) 1.45 g

ANGKA GILIRAN: _____

(B) Satu sampel oksida barium yang tidak diketahui menghasilkan 5.00 g BaO tulen dan 366 cm^3 oksigen pada 273.1°K dan tekanan 1-atm apabila dipanaskan sehingga tindak balas menjadi lengkap. Apakah formula empiris oksida yang tidak diketahui itu? (Berat atom Ba = 137.34).

- (a) BaO
- (b) BaO₂
- (c) Ba₂O
- (d) BaO₃

(C) Apakah nisbah C_p/C_V bagi suatu gas unggul yang terdiri daripada zarah-zarah monoatom?

- (a) 1.40
- (b) 1.50
- (c) 1.67
- (d) 2.00

... 4 / -

ANGKA GILIRAN: _____

(D) Berapakah kemolalan bagi larutan etanol, C_2H_5OH , di dalam air jika pecahan mol etanol ialah 0.05?

- (a) 3.22 m
- (b) 2.92 m
- (c) 0.05 m
- (d) 1.65 m

(E) Nitrogen dan hidrogen bertindak balas untuk membentuk ammonia dengan tindak balas



Apabila campuran ketiga-tiga gas itu berada di dalam keseimbangan, yang mana kesan-kesan berikut akan memaksa tindak balas menuju ke kanan?

- (i) suhu dinaikkan
- (ii) H_2 ditambahkan
- (iii) campuran dimampatkan

- (a) (i), (ii) dan (iii)
- (b) (i) dan (ii)
- (c) (ii) dan (iii)
- (d) (i) dan (iii)

ANGKA GILIRAN: _____

- (F) Dalam kumpulan perkataan di bawah ini terdapat satu perkataan yang tidak sama jenisnya. Pilihkan perkataan itu.
- (a) entropi
.... (b) kerja
.... (c) entalpi
.... (d) tekanan
- (G) Apakah akan terjadi pada nilai phnya jika suatu tampan dicairkan dua kali dengan air tulen?
- (a) nilai pH tidak berubah
.... (b) nilai pH akan menjadi dua kali pH nilai asalnya
.... (c) nilai pH akan menjadi setengah nilai pH asalnya
.... (d) nilai pH akan bertambah dengan 0.3 unit

ANGKA GILIRAN: _____

(H) Sekiranya kepekatan-kepekatan disukat dalam mol per liter dan masa dalam saat, apakah unit-unit pemalar kadar bagi suatu tindak balas tertib kedua?

.... (a) saat⁻¹

.... (b) liter/mol-saat

.... (c) liter²/mol²-saat

.... (d) liter²/mol²-saat²

(I) Yang mana daripada kes-kes berikut mengikuti hukum Raoult?

(i) Pelarut di dalam larutan unggul

(ii) Zat-larutan di dalam larutan unggul

(iii) Pelarut di dalam larutan tak unggul yang cair

(iv) Zat-larutan di dalam larutan tak unggul yang cair

.... (a) (i) dan (ii)

.... (b) (i) dan (iii)

.... (c) (i), (ii) dan (iii)

.... (d) (i), (ii) dan (iv)

ANGKA GILIRAN: _____

(J) Apakah sebab-sebab hukum perkadaran tentu tidak diikuti dengan tepat?

- (a) Perubahan komposisi isotop semulajadi
- (b) Kewujudan sebatian tak stoikiometrik
- (c) Kedua-dua (a) dan (b)
- (d) Tiada jawapan di atas yang betul

(K) Apakah maklumat yang diberikan oleh persamaan berikut?

$$\ln \frac{P_2}{P_1} = -\frac{\Delta H}{R} \left(\frac{1}{T_2} - \frac{1}{T_1} \right)$$

- (a) Perhubungan antara tekanan P suatu gas dan suhu T
- (b) Perhubungan antara tekanan wap P suatu cecair dan suhu T
- (c) Kedua-dua (a) dan (b)
- (d) Tiada jawapan di atas yang betul

ANGKA GILIRAN: _____

(L) Isoterma bermaksud

- (a) lengkungan pada suhu tertentu
- (b) lengkungan pada tekanan tertentu
- (c) lengkungan pada isipadu tertentu
- (d) lengkungan pada bilangan mol tertentu

(M) Apakah rupabentuk lengkungan isoterma di atas gambarajah P-V bagi suatu gas unggul?

- (a) Garis lurus
- (b) Parabola
- (c) Hiperbola
- (d) Elipsoid

ANGKA GILIRAN: _____

(N) Yang mana daripada kuantiti-kuantiti berikut akan diubah dengan adanya mangkin?

- (i) tenaga pengaktifan
- (ii) perubahan entalpi tindak balas
- (iii) perubahan entropi tindak balas
- (iv) faktor pra-eksponen

.... (a) (ii) dan (iii)

.... (b) (i) sahaja

.... (c) (i) dan (iv)

.... (d) (i), (ii), (iii) dan (iv)

(O) Pada 55°C , etanol mempunyai tekanan wap 168 mm-Hg dan sikloheksana mempunyai tekanan wap 280 mm-Hg. Di dalam suatu larutan dua sebatian ini, pecahan mol etanol adalah 0.68. Tekanan wap larutan ini adalah 376 mm-Hg. Apakah ΔH apabila larutan ini dibentuk dari komponen-komponennya?

.... (a) $\Delta H > 0$

.... (b) $\Delta H < 0$

.... (c) $\Delta H = 0$

.... (d) ΔH tidak dapat diramalkan dari maklumat yang diberi

ANGKA GILIRAN: _____

(P) Apabila 2.98 gm suatu sebatian diwapkan dalam suatu bekas yang isipadunya 1.00 liter pada 680°K , tekanan menjadi 458 mm. Apakah berat molekul sebatian ini?

.... (a) 270

.... (b) 276

.... (c) 280

.... (d) 286

(Q) Berdasarkan designasi keadaan kuantum di bawah, yang manakah tidak menggambarkan keadaan dibenarkan bagi suatu elektron di dalam atom?

(i) $n = 3, l = 2, m_l = -2$

(ii) $n = 3, l = 0, m_l = -1$

(iii) $n = 3, l = 2, m_l = 0$

(iv) $n = 3, l = 3, m_l = -2$

.... (a) (i) dan (ii)

.... (b) (ii) dan (iii)

.... (c) (i) dan (iii)

.... (d) (ii) dan (iv)

ANGKA GILIRAN: _____

(R) Nyatakan siri spektrum garisan daripada sinaran dipancarkan apabila elektron di dalam atom hidrogen jatuh dari paras $n = 6$ ke paras $n = 3$

- (a) Lyman
- (b) Balmer
- (c) Paschen
- (d) Brackett

(S) Pilih atom yang mempunyai tenaga pengionan pertama terbesar berdasarkan konfigurasi elektronnya

- (a) $[\text{Ne}] \ 3s^2 \ 3p^2$
- (b) $[\text{Ne}] \ 3s^2 \ 3p^3$
- (c) $[\text{Ne}] \ 3s^2 \ 3p^4$
- (d) $[\text{He}] \ 2s^2 \ 2p^3$

(T) Yang manakah di antara molekul-molekul berikut adalah tidak berkutub, tetapi di dalam molekulnya mengandungi ikatan yang berkutub?

- (a) H_2O
- (b) SO_3
- (c) NH_3
- (d) SO_2

(20 markah)

2. (A) (i) Dengan menggunakan konsep orbital hibrid, jelaskan orbital hibrid yang digunakan oleh atom pusat dan bentuk molekul bagi

- (a) SF_4
- (b) C_2H_2


(6 markah)

(ii) Dengan kaedah Teori Penolakan Pasangan Elektron Petala Valens (VSEPR), bagi setiap ion ClO_3^- dan $\text{S}_2\text{O}_3^{2-}$ tunjukkan:

- (a) bilangan pasangan elektron valens di sekeliling atom pusat.
- (b) bilangan pasangan elektron valens membentuk ikatan π .
- (c) orbital hibrid atom pusat.
- (d) bilangan pasangan tersendiri.
- (e) struktur molekul.
- (f) bentuk molekul.

(6 markah)

(B) Dengan melukiskan paras tenaga orbital molekul dan konfigurasi elektronnya bagi setiap spesies berikut:



Jelaskan

(i) turutan kenaikan tenaga ikatan di antara ketiga spesies di atas.

(ii) perbezaan sifat kemagnetan di antara ketiga spesies di atas.

(8 markah)

3. (A) Semasa kita menulis ungkapan pemalar keseimbangan bagi suatu tindak balas, kepekatan bagi bahan uji atau hasil tindak balas dalam keadaan pepejal tulen tidak dimasukkan ke dalam ungkapan keseimbangan. Terangkan sebabnya.

(4 markah)

- (B) Berapakah keterlarutan kalsium fluorida CaF_2 di dalam air tulen pada 25°C ? K_{sp} bagi $\text{CaF}_2 = 3.9 \times 10^{-11}$.

(4 markah)

- (C) Berapakah keterlarutan kalsium fluorida CaF_2 di dalam 0.10M NaF?

(4 markah)

- (D) Berapakah keterlarutan kalsium fluorida CaF_2 di dalam 0.10M NaCl?

(4 markah)

- (E) Bandingkan keputusan-keputusan yang didapati dalam (B), (C) dan (D). Terangkan perbezaan yang didapati dengan menggunakan prinsip Le Chatelier.

(4 markah)

Perhatikan:

$$\log \gamma_{\pm} = -0.509 z_+ z_- \frac{\sqrt{I}}{1 + \sqrt{I}}$$

$$\text{dan } I = \frac{1}{2} \sum_j C_j z_j^2$$

...14/-

4. (A) Dengan menggunakan gambarajah tekanan wap, tunjukkan mengapa takat didih pelarut dinaikkan dengan penambahan suatu zat larutan yang tak meruap.

(4 markah)

- (B) Bermula dengan hukum Raoult dan persamaan Clausius-Clayperon, terbitkan perhubungan berikut:

$$\Delta T_b = \frac{RT_o^2 M_1}{1000 \Delta H_{\text{wap}}} m = K_b m$$

di mana T_o = takat didih pelarut

ΔT_b = kenaikan dalam takat didih

ΔH_{wap} = entalpi pengewapan

m = kemolalan

M_1 = berat molekul pelarut

R = pemalar gas

(6 markah)

- (C) Hitungkan K_b bagi air. ΔH_{wap} nya ialah 9725.4 kal/mol.

(2 markah)


...15/-

(D) Hitungkan takat didih suatu larutan

- (a) 6.01 g urea NH_2CONH_2 ,
- (b) 9.4 g fenol $\text{C}_6\text{H}_5\text{OH}$, dan
- (c) 6.01 g urea dan 9.4 g fenol per 1000 g air,
dengan mengandaikan bahawa tiada tindak balas
kimia berlaku antara urea dan fenol.
- (d) Ulangi (c) dengan mengandaikan bahawa satu
sebatian stabil dibentuk yang mengandungi
satu molekul urea dan satu molekul fenol.

(8 markah)

5. (A) Untuk tindak balas



hitungkan ΔG° dan ΔH° dari data-data berikut:

| | ΔG_f° (kJ/mol) | ΔH_f° (kJ/mol) |
|-------------------------|-----------------------------|-----------------------------|
| $\text{SO}_2(\text{g})$ | -300 | -296 |
| $\text{SO}_3(\text{g})$ | -370 | -395 |



Hitungkan pemalar keseimbangan pada 298°K dan 600°K dengan mengandaikan bahawa ΔH tidak bergantung kepada suhu.

(10 markah)

...16/-

- (B) Tindak balas $I^- + OCl^- \rightarrow Cl^- + OI^-$ mengikuti hukum kadar $d[OI^-]/dt = k'[I^-][OCl^-]$, tetapi k' disahkan sebagai satu fungsi kepekatan ion hidroksida. Bagi kepekatan hidroksida 1.00M, 0.50M dan 0.25M k' adalah sama dengan 61, 120 dan 230 liter/mol-saat, masing-masing pada $25^\circ C$. Berapakah tertib tindak balas ini dari segi ion hidroksida?

Mekanisme tindak balas ini ialah



Tunjukkan bahawa ini adalah selaras dengan hukum kadar bagi tindak balas ini.


(10 markah)

6. (A) Terangkan mengapa kelakuan gas nyata tersisih daripada persamaan gan unggul, khasnya pada tekanan yang lebih tinggi dan suhu yang lebih rendah. Juga terangkan bagaimana van der Waals memperbaikkan persamaan gas unggul dengan memasukkan lebih banyak sebutan.


(8 markah)

...17/-

- (B) Dengan menggunakan keupayaan-keupayaan setengah sel yang diberi, hitungkan ΔE° dan pemalar keseimbangan bagi tindak balas



Nyatakan apa yang anda jangka akan berlaku apabila 1 liter 2M Fe^{3+} dan 1 liter 2M I^- dicampurkan. Hitungkan kepekatan-kepekatan Fe^{3+} , I^- dan Fe^{2+} pada keseimbangan



(12 markah)

Jadual 1.1 Pemalar-Pemalar Asas Dalam Kimia Fisikal

| Simbol | Kuantiti Fisikal | |
|----------------|-------------------------|--|
| N | Nombor Avagadro | $6.023 \times 10^{23} \text{ mol}^{-1}$ |
| F | Pemalar Faraday | 96,500 koulomb per mol elektron |
| e | Cas elektron | $4.80 \times 10^{-10} \text{ esu}$ $1.60 \times 10^{-19} \text{ koulomb}$ |
| m_e | Jisim elektron | $9.11 \times 10^{-28} \text{ g}$ $9.11 \times 10^{-31} \text{ kg}$ |
| m_p | Jisim proton | $1.67 \times 10^{-24} \text{ g}$ $1.67 \times 10^{-27} \text{ kg}$ |
| h | Pemalar Planck | $6.623 \times 10^{-27} \text{ erg s}$ |
| c | Halaju cahaya | $3.0 \times 10^{10} \text{ cm s}^{-1}$ $3.0 \times 10^8 \text{ m s}^{-1}$ |
| R | Pemalar Gas | $8.314 \times 10^7 \text{ erg K}^{-1} \text{ mol}^{-1}$ $8.314 \text{ J K}^{-1} \text{ mol}^{-1}$ $0.08205 \text{ l-atm K}^{-1} \text{ mol}^{-1}$ $1.987 \text{ kal K}^{-1} \text{ mol}^{-1}$ |
| k | Pemalar Boltzman | $1.380 \times 10^{-16} \text{ erg K}^{-1} \text{ molekul}^{-1}$ $1.380 \times 10^{-23} \text{ J K}^{-1} \text{ molekul}^{-1}$ |
| g | graviti | 981 cm s^{-2} 9.81 m s^{-2} |
| 1 atm | | 76 cm Hg 1,013 diné cm ⁻² 101,325 N m ⁻² |
| RT | | 0.0257 volt pada 25°C |
| F | | |
| 2.303 RT | | 0.0591 volt pada 25°C |
| F | | |
| a ₀ | jejari Bohr | $0.529 \times 10^{-8} \text{ cm}$ |

Faktor-faktor penukar

$$\begin{aligned}
 1 \text{ esu} &= 1/300 \times 10^7 \text{ koulomb} \\
 1 \text{ kaloriet} &= 4.184 \text{ J} \\
 1 \text{ l-atm} &= 101.32 \text{ J} \\
 1 \text{ eV} &= 96,500 \text{ J/mol} = 23.06 \text{ kcal/mol} = 1.6 \times 10^{-12} \text{ erg/elektron}
 \end{aligned}$$

Jadual 1.2 Berat-berat Atom ($^{12}\text{C} = 12.0000 \text{ amu}$)

| Unsur | Element | Simbol | Nombor | Berat |
|-----------------|-------------|--------|--------|-----------|
| Aktinium | Actinium | Ac | 89 | 227.0278 |
| Aluminum | Aluminum | Al | 13 | 26.98154 |
| Amersium | Americium | Am | 95 | [243] |
| Antimon | Antimony | Sb | 51 | 121.75 |
| Argentum, perak | Silver | Ag | 47 | 107.868 |
| Argon | Argon | Ar | 18 | 39.948 |
| Arsenik | Arsenic | As | 33 | 74.9216 |
| Arum, emas | Gold | Au | 79 | 196.9665 |
| Astatin | Astatine | At | 85 | [210] |
| Barium | Barium | Ba | 56 | 137.33 |
| Berilium | Beryllium | Be | 4 | 9.01218 |
| Berkelium | Berkelium | Bk | 97 | [247] |
| Bismut | Bismuth | Bi | 83 | 208.9804 |
| Boron | Boron | B | 5 | 10.81 |
| Bromin | Bromine | Br | 35 | 79.904 |
| Disprosium | Dysprosium | Dy | 66 | 162.50 |
| Einsteinium | Einsteinium | Es | 99 | [254] |
| Erbium | Erbium | Er | 68 | 167.26 |
| Europium | Europium | Eu | 63 | 151.96 |
| Fermium | Fermium | Fm | 100 | [257] |
| Ferum, besi | Iron | Fe | 26 | 55.847 |
| Fluorin | Fluorine | F | 9 | 18.998403 |
| Fosforus | Phosphorus | P | 15 | 30.97376 |
| Fransium | Francium | Fr | 87 | [223] |
| Gadolinium | Gadolinium | Gd | 64 | 157.25 |
| Galium | Gallium | Ga | 31 | 69.72 |
| Germanium | Germanium | Ge | 32 | 72.59 |
| Hafnium | Hafnium | Hf | 72 | 178.49 |
| Helium | Helium | He | 2 | 4.0026 |
| Hidrogen | Hydrogen | H | 1 | 1.0079 |
| Holmium | Holmium | Ho | 67 | 164.9304 |
| Indium | Indium | In | 49 | 114.82 |
| Iodin | Iodine | I | 53 | 126.9045 |
| Iridium | Iridium | Ir | 77 | 192.22 |
| Iterium | Ytterbium | Yb | 70 | 173.04 |
| Itrium | Yttrium | Y | 39 | 88.9059 |
| Kadium | Cadmium | Cd | 48 | 112.41 |
| Kalifornium | Californium | Cf | 98 | [251] |
| Kalium | Potassium | K | 19 | 39.0983 |
| Kalsium | Calcium | Ca | 20 | 40.08 |
| Karbon | Carbon | C | 6 | 12.011 |
| Klorin | Chlorine | Cl | 17 | 35.453 |
| Kobalt | Cobalt | Co | 27 | 58.9332 |
| Kripton | Krypton | Kr | 36 | 83.80 |
| Kromium | Chromium | Cr | 24 | 51.996 |
| Kuprum | Copper | Cu | 29 | 63.546 |
| Kurium | Curium | Cm | 96 | [247] |
| Lantanum | Lanthanum | La | 57 | 138.9055 |
| Lawrensium | Lawrencium | Lr | 103 | [260] |
| Litium | Lithium | Li | 3 | 6.941 |
| Lutetium | Lutetium | Lu | 71 | 174.97 |
| Magnesium | Magnesium | Mg | 12 | 24.305 |
| Mangan | Manganese | Mn | 25 | 54.9380 |
| Mendelevium | Mendelevium | Md | 101 | [258] |
| Merkuri | Mercury | Hg | 80 | 200.59 |

| Unsur | Element | Simbol | Nombor | Berat |
|-----------------|--------------|--------|--------|----------|
| Molibdenum | Molybdenum | Mo | 42 | 95.94 |
| Natrium | Sodium | Na | 11 | 22.98977 |
| Neodimium | Neodymium | Nd | 60 | 144.24 |
| Neon | Neon | Ne | 10 | 20.179 |
| Neptunium | Neptunium | Np | 93 | 237.0482 |
| Nikel | Nickel | Ni | 28 | 58.70 |
| Niobium | Niobium | Nb | 41 | 92.9064 |
| Nitrogen | Nitrogen | N | 7 | 14.0067 |
| Nobelium | Nobelium | No | 102 | [259] |
| Oksigen | Oxygen | O | 8 | 15.9994 |
| Osmium | Osmium | Os | 76 | 190.2 |
| Paladium | Palladium | Pd | 46 | 106.4 |
| Platinum | Platinum | Pt | 78 | 195.09 |
| Plumbum, | Lead | Pb | 82 | 207.2 |
| Plutonium | Plutonium | Pu | 94 | [244] |
| Polonium | Polonium | Po | 84 | [209] |
| Prometium | Promethium | Pm | 61 | [145] |
| Prasedimium | Praseodymium | Pr | 59 | 140.9077 |
| Protaktinium | Protactinium | Pa | 91 | 231.0359 |
| Radium | Radium | Ra | 88 | 266.0254 |
| Radon | Radon | Rn | 86 | [222] |
| Renium | Rhenium | Re | 75 | 186.207 |
| Rodium | Rhodium | Rh | 45 | 102.9055 |
| Rubidium | Rubidium | Rb | 37 | 85.4678 |
| Rutenium | Ruthenium | Ru | 44 | 101.07 |
| Samarium | Samarium | Sm | 62 | 150.4 |
| Selenium | Selenium | Se | 34 | 78.96 |
| Serium | Cerium | Ce | 58 | 140.12 |
| Sesium | Caesium | Cs | 55 | 132.9054 |
| Silikon | Silicon | Si | 14 | 28.0855 |
| Skandium | Scandium | Sc | 21 | 44.9559 |
| Stanum, timah | Tin | Sn | 50 | 118.69 |
| Strontium | Strontium | Sr | 38 | 87.62 |
| Sulfur,belereng | Sulfur | S | 16 | 32.06 |
| Talium | Thallium | Tl | 81 | 204.37 |
| Tantalum | Tantalum | Ta | 73 | 180.9479 |
| Teknetium | Technetium | Tc | 43 | [97] |
| Telurium | Tellurium | Te | 52 | 127.60 |
| Terbium | Terbium | Tb | 65 | 158.9254 |
| Titanium | Titanium | Ti | 22 | 47.90 |
| Torium | Thorium | Th | 90 | 232.0381 |
| Tulium | Thulium | Tm | 69 | 168.9342 |
| Tungsten | Tungsten | W | 74 | 183.85 |
| Uranium | Uranium | U | 92 | 238.029 |
| Vanadium | Vanadium | V | 23 | 50.914 |
| Xenon | Xenon | Xe | 54 | 131.30 |
| Zink | Zinc | Zn | 30 | 65.38 |
| Zirkonium | Zirconium | Zr | 40 | 91.22 |

nilai dalam kurungan menunjukkan nombor jisim bagi isotop yang paling stabil